



# PERHATIAN

## SEMAKAN STATUS SENARAI HITAM (BLACKLISTED) JPA

### Penting:

Sila semak status senarai hitam (blacklisted) JPA bagi:

- Pemohon
- Ibu
- Bapa

sebelum mengisi permohonan.

 Semakan boleh dibuat di pautan berikut:

[https://esilav2.jpa.gov.my/online\\_progs/tunggakandividu.php](https://esilav2.jpa.gov.my/online_progs/tunggakandividu.php)

### TINDAKAN SEGERA DIPERLUKAN


Sila selesaikan bayaran/tunggakan:


- **Mulai: 3 April 2026** (Jumaat)
- **Sehingga: 10 April 2026** (Jumaat)

Kelewatan melaksanakan bayaran akan menyebabkan permohonan **disekat**.

### PERTANYAAN & PENYELARASAN

 **03-8000 8000**

 <https://forms.gle/gGAu45dttiDafDnqW6>

 Dalam tempoh:  
**3 April 2026** (Jumaat) hingga **10 April 2026** (Jumaat)

### MAKLUMAN

*Keputusan adalah muktamad dan tiada rayuan akan diterima selepas tempoh yang ditetapkan.*





## TAWARAN PENAJAAN JABATAN PERKHIDMATAN AWAM (JPA)

### PROGRAM KHAS JEPUN, KOREA, PERANCIS DAN JERMAN (JKPJ) TAHUN 2026

#### 1. PENGENALAN

Permohonan adalah dipelawa kepada pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun 2025 untuk mendapatkan penajaan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) di bawah Program Khas Jepun, Korea, Perancis dan Jerman (JKPJ) Tahun 2026.

Program penajaan ini dibuka kepada semua pelajar lepasan SPM tahun 2025 yang berminat dalam bidang **Kejuruteraan, Sains dan Teknologi (S&T) dan Sains Sosial di negara Jepun, Korea, Perancis dan Jerman**. Pelajar akan ditaja untuk mengikuti program persediaan sebelum melanjutkan pengajian ke peringkat Ijazah Pertama di negara-negara berkenaan.

Penajaan program ini adalah dalam bentuk **Pinjaman Boleh Ubah (PBU) Berasaskan Merit Akademik** atau apa – apa bentuk penajaan yang ditentukan oleh Kerajaan.

Penajaan Pinjaman Boleh Ubah (PBU) Berasaskan Merit Akademik memperuntukkan kemudahan pengecualian/ pengurangan bayaran balik pinjaman berdasarkan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) akhir dan/ atau dilantik dalam Sektor Awam setaraf dengan kelayakan seperti berikut:

Kriteria	Peratusan bayaran balik PBU
i) PNGK akhir 3.75 - 4.00 atau setara tanpa pelanjutan	5%
ii) PNGK akhir 3.50 - 3.74 atau setara tanpa pelanjutan	10%

Kriteria	Peratusan bayaran balik PBU
iii) PNGK akhir 3.00 - 3.49 atau setara tanpa pelanjutan	15%
iv) PNGK akhir 3.00 dan ke atas atau setara dengan pelanjutan	20%
v) PNGK akhir di bawah 3.00 atau setara atau Gagal pengajian	100%
<b>DAN/ ATAU</b>	
Dilantik dalam Sektor Awam (setaraf dengan kelayakan)	Dikecualikan bayaran balik atas baki nilai pinjaman

## 2. STRUKTUR PENGAJIAN PROGRAM KHAS JKPJ

Struktur pengajian bagi Program Khas JKPJ adalah seperti berikut:

PROGRAM / NEGARA	PERSEDIAAN		IJAZAH PERTAMA	
	KOLEJ	KURSUS / TEMPOH	BIDANG	STRUKTUR PENGAJIAN
Kejuruteraan Teknikal Jepun	INTEC Education College	Japanese Preparatory Programme (20 bulan)	Kejuruteraan	Dip.: 36 bulan I.P. : 24 bulan
	INTEC Education College	Japanese Preparatory Programme (20 bulan)	Sains dan Teknologi	Dip.: 36 bulan I.P. : 24 bulan
Khas Korea	1) INTEC Education College	1) Korean Preparatory Programme (8 bulan)	Kejuruteraan	CGPA 3.75 ke Atas – I.P. : 48 bulan
	2) Pusat Pengajian Bahasa di Seoul National University (SNU), Korea	2) Sijil Bahasa (12 bulan)		CGPA 3.74 ke Bawah – Dip.: 24 – 36 bulan I.P. : 24 bulan

PROGRAM / NEGARA	PERSEDIAAN		IJAZAH PERTAMA	
	KOLEJ	KURSUS / TEMPOH	BIDANG	STRUKTUR PENGAJIAN
	1) INTEC Education College  2) Pusat Pengajian Bahasa di Seoul National University (SNU), Korea	1) Korean Preparatory Programme (8 bulan)  2) Sijil Bahasa (12 bulan)	Sains & Teknologi	CGPA 3.75 ke Atas – I.P. : 48 bulan  CGPA 3.74 ke Bawah – Dip.: 24 – 36 bulan I.P. : 24 bulan
	1) Universiti Kuala Lumpur - Malaysia Institute of Information Technology (UniKL-MIIT)  2) Universiti di Korea	1) Foundation in Science and Technology for Korean University (18 bulan)  2) Persediaan bahasa (2 bulan)	Kejuruteraan	I.P: 48 bulan
	1) Universiti Kuala Lumpur - Malaysia Institute of Information Technology (UniKL-MIIT)  2) Universiti di Korea	1) Foundation in Science and Technology for Korean University (18 bulan)  2) Persediaan bahasa (2 bulan)	Sains & Teknologi	I.P: 48 bulan
Khas Perancis	1) INTEC Education College  2) Instituts Universitaire de Technologie (IUT) yang ditetapkan	1) French Preparatory Programme (2 bulan)  2) Persediaan di Perancis (12 bulan)	Kejuruteraan	I.P. : 36 – 60 bulan

PROGRAM / NEGARA	PERSEDIAAN		IJAZAH PERTAMA	
	KOLEJ	KURSUS / TEMPOH	BIDANG	STRUKTUR PENGAJIAN
	1) INTEC Education College  2) Instituts Universitaire de Technologie (IUT) yang ditetapkan	1) French Preparatory Programme (2 bulan)  2) Persediaan di Perancis (12 bulan)	Sains & Teknologi	I.P. : 36 – 60 bulan
	Universiti Kuala Lumpur - Malaysia France Institute (UniKL-MFI)	(Pre-France) (13 bulan) + 2 bulan ( <i>Bridging Program</i> )	Sains Sosial	I.P. : 36 – 48 bulan
Khas Jerman	1) Sunway College Kuala Lumpur (SCKL)  2) Carl Duisberg GmbH, Jerman	1) Australian Matriculation (AUSMAT) (18 bulan)  2) <i>Bridging course</i> (8 bulan)	Sains & Teknologi	I.P. : 36 – 42 bulan

**Nota:**

Dip : Diploma

I.P : Ijazah Pertama

2.1 Pelajar akan mengikuti kursus persediaan di Kolej Persediaan yang dikenal pasti. Seterusnya, penajaan akan dipertimbangkan kepada pelajar yang mendapat tempat pengajian di peringkat Ijazah Pertama dalam bidang dan institusi yang ditetapkan sahaja.

2.2 Bidang pengajian yang **tidak ditaja** merangkumi:

- a) Program Perubatan, Pergigian dan Farmasi;
- b) Undang-undang;
- c) Seni bina;

- d) Bidang pendidikan;
- e) Bidang yang memerlukan pelajar mengambil jenis-jenis lesen seperti lesen penerbangan dan sebagainya;
- f) Program-program berkembar/ ijazah dual/ double degree/ program kerjasama dengan institusi lain;
- g) Program kejururawatan, separa perubatan dan program pra-perkhidmatan; dan
- h) Program-program berkaitan siji/ kursus profesional.

2.3 Kursus-kursus yang diikuti hendaklah mendapat **akreditasi penuh** Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan mendapat pengiktirafan penuh Badan-badan Profesional bagi kursus-kursus profesional.

#### 2.4 **Program Kejuruteraan Teknikal Jepun**

Pelajar yang berjaya ditawarkan penajaan Program Kejuruteraan Teknikal Jepun akan mengikuti **kursus persediaan Kumpulan Teknikal Jepun selama 20 bulan di INTEC Education College, Shah Alam.**

Seterusnya, pelajar yang memenuhi syarat kemasukan ke Kolej-Kolej Teknikal di Jepun serta memenuhi syarat yang ditetapkan oleh JPA akan meneruskan pengajian **Kejuruteraan peringkat Diploma selama 36 bulan di *Colleges of Technology (KOSEN)* di Jepun.**

**Pelajar berpeluang melanjutkan pengajian ke peringkat Ijazah Pertama dengan tajaan JPA sekiranya menunjukkan prestasi yang cemerlang di peringkat Diploma, dan diterima masuk ke universiti di Jepun serta memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh JPA. Tempoh pengajian bagi peringkat Ijazah Pertama di Jepun ialah 24 bulan.**

#### 2.5 **Program Khas Korea**

Terdapat dua laluan bagi pelajar yang berjaya ditawarkan penajaan di bawah program ini:

### **(i) Persediaan di INTEC Education College, Shah Alam**

Pelajar yang berjaya ditawarkan penajaan di bawah program ini akan mengikuti program persediaan selama **lapan bulan di INTEC Education College, Shah Alam** sebelum melanjutkan pengajian peringkat persediaan **Sijil Bahasa selama 12 bulan** di pusat pengajian bahasa yang ditetapkan iaitu **Seoul National University – Language Education Institute (SNU-LEI), Korea**.

Pelajar yang melepasi Had Kecemerlangan Akademik (HKA) yang ditetapkan Kerajaan akan diteruskan penajaan dalam bidang Kejuruteraan dan Sains dan Teknologi (S&T) melalui dua kaedah iaitu:

- i. pelajar yang mendapat **CGPA 3.75 dan ke atas** akan ditawarkan pengajian terus ke peringkat **Ijazah Pertama selama 48 bulan**; manakala; dan
- ii. manakala pelajar yang manakala pelajar yang mendapat keputusan **PNGK 3.74 dan ke bawah** akan ditawarkan penajaan bagi pengajian peringkat **Diploma di Dongyang Mirae University (DMU) (selama 24 hingga 36 bulan)** dan **Ijazah Pertama di universiti di Korea (lazimnya selama 24 bulan)**. Walau bagaimanapun, dalam keadaan pelajar mendapat keputusan **PNGK 3.74 dan ke bawah** tetapi berjaya mendapat tempat di universiti untuk pengajian peringkat **Ijazah Pertama**, pelajar boleh dikecualikan daripada mengikuti pengajian peringkat **Diploma di DMU** dan pelajar boleh meneruskan pengajian **Ijazah Pertama** di institusi pengajian berkaitan.

### **(ii) Persediaan di Universiti Kuala Lumpur - Malaysia Institute of Information Technology (UniKL-MIIT)**

Pelajar akan mengikuti persediaan di UniKL-MIIT selama **18 bulan** sebelum melanjutkan **persediaan bahasa selama 2 bulan di universiti di Korea** yang dikenal pasti. Seterusnya, pelajar akan ditaja untuk **pengajian Ijazah Pertama di universiti di Korea selama 48 bulan**.

## 2.6 Program Khas Perancis

Pelajar yang ditawarkan penajaan Program Khas Perancis akan mengikuti laluan pengajian berdasarkan bidang pengajian, seperti berikut:

(i) **Bidang Kejuruteraan/ Sains & Teknologi (S&T)**

Program ini dijalankan dengan kerjasama Société Française d'Exportation des Ressources Educatives (SFERE) iaitu wakil yang dilantik oleh Kerajaan Perancis. Pelajar akan ditempatkan di **INTEC Education College** untuk mengikuti kursus persediaan selama **dua bulan** dan seterusnya **menyambung pengajian persediaan di Perancis selama 12 bulan di Instituts Universitaire de Technologie (IUT) yang ditetapkan.**

Prestasi pelajar semasa kursus persediaan di Perancis akan menentukan sama ada pelajar layak atau tidak untuk meneruskan pengajian peringkat **Ijazah Pertama selama 36 hingga 60 bulan (mengikut bidang) di universiti-universiti terkemuka di Perancis (Grand Ecole) atau di IUT.**

\*Nota berkaitan kelayakan pengajian Kejuruteraan di Perancis:

*Diplome d'Ingenieur* dari *Grand Ecole* dinilai setaraf dengan Ijazah Sarjana Kejuruteraan dari Institusi Pengajian Tinggi (IPT) tempatan dan memenuhi keperluan untuk tujuan pendaftaran sebagai jurutera Siswazah dengan Lembaga Jurutera Malaysia (BEM), manakala *Diplome Universitaire de Technologie* (DUT) dari IUT diiktiraf sebagai setaraf dengan Diploma Kejuruteraan dari IPT tempatan bagi maksud lantikan dalam Perkhidmatan Awam Malaysia. Oleh yang demikian, pelajar yang mengikuti pengajian sepenuhnya di IUT perlu mengikuti pengajian peringkat *Master* dan bergraduat dengan *Master of Engineering* untuk memenuhi keperluan untuk tujuan pendaftaran sebagai jurutera Siswazah dengan BEM.

(ii) **Bidang Sains Sosial**

Pelajar akan mengikuti kursus **persediaan Pre-France di Universiti Kuala Lumpur - Malaysia France Institute (UniKL-MFI) selama 13 bulan dan seterusnya mengikuti *bridging program* di Universiti di Perancis selama dua bulan.**

Prestasi pelajar semasa kursus persediaan akan menentukan sama ada pelajar layak atau tidak untuk meneruskan pengajian peringkat **Ijazah Pertama selama 36 hingga 48 bulan** di universiti-universiti terkemuka dalam bidang sains sosial di Perancis (seperti Sciences Po, Grenoble Ecole de Management dan SKEMA Business School) dalam kursus/program pengajian seperti Hubungan Antarabangsa, Ekonomi, Statistik, Sumber Manusia, Sains Politik, Perniagaan Antarabangsa atau Pengurusan Global.

## 2.7 Program Khas Jerman

Pelajar yang ditawarkan penajaan Program Khas Jerman akan mengikuti **kursus persediaan Preparatory Course for Admission to German Universities (AUSMAT German) di Sunway College Kuala Lumpur (SCKL) selama 18 bulan.** Seterusnya, pelajar akan mengikuti program **persediaan bahasa (bridging course) selama 8 bulan di Carl Duisberg GmbH, Jerman.**

Dalam tempoh pengajian persediaan, pelajar akan mempelajari Bahasa Jerman Tahap A1 sehingga B2. Pelajar selanjutnya akan mempelajari Bahasa Jerman Tahap C1 dan akan menduduki peperiksaan Bahasa Jerman di akhir bridging course (di Jerman) sebagai penilaian penguasaan Bahasa Jerman. Keputusan peperiksaan bahasa merupakan syarat kemasukan bagi pengajian peringkat Bachelor di universiti-universiti Jerman.

Semua pelajar yang lulus dengan jayanya kursus persediaan seterusnya akan ditaja untuk mengikuti pengajian peringkat **Bachelor selama 36**

hingga 42 bulan di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di Jerman bagi bidang S&T.

### 3. SYARAT PERMOHONAN

Calon mestilah memenuhi syarat-syarat permohonan seperti berikut:

#### 3.1. Syarat Umum

- a) Warganegara Malaysia;
- b) Pemohon disyaratkan bebas daripada penyakit kronik / berjangkit / penyakit yang memerlukan rawatan susulan dan berupaya mengikuti pengajian sehingga tamat, serta disahkan sihat untuk meneruskan pengajian;
- c) Ibu dan/atau bapa dan/atau pemohon tidak disenarai hitam oleh JPA atau sedang dalam tindakan undang-undang oleh JPA. Bagi tujuan permohonan ini, sila pastikan pemohon/ibu/bapa adalah bebas daripada tindakan undang-undang/disenarai hitam pinjaman JPA. **Jika pemohon/ibu/bapa didapati telah dikenakan tindakan undang-undang/disenarai hitam, sila hubungi 03-8000 8000 atau salurkan pertanyaan melalui <https://forms.gle/gGAu45dtiDafDnqW6> dalam tempoh 3 April 2026 (Jumaat) hingga 10 April 2026 (Jumaat) untuk penyelarasan lanjut. Keputusan adalah muktamad dan tiada rayuan akan diterima selepas daripada tempoh yang ditetapkan. Semakan senarai hitam JPA boleh dibuat di pautan: [https://esilav2.jpa.gov.my/online\\_progs/tunggakanindividu.php](https://esilav2.jpa.gov.my/online_progs/tunggakanindividu.php)**
- d) Sekiranya berjaya ditawarkan penajaan JPA, pemohon tidak dibenarkan menerima bantuan kewangan/ tajaan daripada mana-mana agensi untuk peringkat atau pengajian yang sama;
- e) Menduduki peperiksaan **SPM 2025 buat pertama kali** di mana-mana sekolah menengah atau **calon-calon persendirian**; dan
- f) Umur belum mencapai 19 tahun (atau belum mencapai 20 tahun bagi pelajar peralihan) pada 31 Disember tahun peperiksaan SPM diduduki.

### 3.2. Syarat Khusus

Perincian syarat khusus mengikut bidang yang ditetapkan adalah seperti berikut:

<b>BIDANG / NEGARA PENGAJIAN / KOLEJ PERSEDIAAN</b>	<b>SYARAT / GRED MINIMUM</b>
<p><b>(1) Kejuruteraan</b></p> <p style="text-align: center;"><b>Jepun</b> <b>INTEC Education College</b> <b>Kod Program: JKPJ 001</b></p>	<p><b>Mendapat</b> sekurang-kurangnya <b>gred A dalam lima mata pelajaran</b> berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Bahasa Melayu;</li> <li>b) Matematik;</li> <li>c) Matematik Tambahan;</li> <li>d) Fizik; <b>dan</b></li> <li>e) Kimia.</li> </ul> <p><b>Dan</b></p> <p><b>Mendapat</b> sekurang-kurangnya <b>gred A- dalam dua mata pelajaran</b> berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Bahasa Inggeris; dan</li> <li>b) Sejarah.</li> </ul>
<p><b>(2) Sains dan Teknologi</b></p> <p style="text-align: center;"><b>Jepun</b> <b>INTEC Education College</b> <b>Kod Program: JKPJ 002</b></p>	<p><b>Mendapat</b> sekurang-kurangnya <b>gred A dalam lima mata pelajaran</b> berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Bahasa Melayu;</li> <li>b) Matematik;</li> <li>c) Matematik Tambahan;</li> <li>d) Fizik; <b>dan</b></li> <li>e) Kimia.</li> </ul> <p><b>Dan</b></p> <p><b>Mendapat</b> sekurang-kurangnya <b>gred A- dalam dua mata pelajaran</b> berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>c) Bahasa Inggeris; dan</li> <li>d) Sejarah.</li> </ul>
<p><b>(3) Kejuruteraan</b></p> <p style="text-align: center;"><b>Korea</b> <b>INTEC Education College</b> <b>Kod Program: JKPJ 003</b></p>	<p><b>Mendapat</b> sekurang-kurangnya <b>gred A dalam lima mata pelajaran</b> berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Bahasa Melayu;</li> <li>b) Matematik;</li> <li>c) Matematik Tambahan;</li> <li>d) Fizik; <b>dan</b></li> <li>e) Kimia.</li> </ul> <p><b>Dan</b></p>

<b>BIDANG / NEGARA PENGAJIAN / KOLEJ PERSEDIAAN</b>	<b>SYARAT / GRED MINIMUM</b>
	<p><b>Mendapat</b> sekurang-kurangnya <b>gred A-</b> dalam dua mata pelajaran berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Bahasa Inggeris; dan</li> <li>b) Sejarah.</li> </ul>
<p><b>(4) Sains dan Teknologi</b></p> <p style="text-align: center;"><b>Korea</b> <b>INTEC Education College</b> <b>Kod Program: JKPJ 004</b></p>	<p><b>Mendapat</b> sekurang-kurangnya <b>gred A</b> dalam lima mata pelajaran berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>f) Bahasa Melayu;</li> <li>g) Matematik;</li> <li>h) Matematik Tambahan;</li> <li>i) Fizik; <b>dan</b></li> <li>j) Kimia.</li> </ul> <p><b>Dan</b></p> <p><b>Mendapat</b> sekurang-kurangnya <b>gred A-</b> dalam dua mata pelajaran berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>c) Bahasa Inggeris; dan</li> <li>d) Sejarah.</li> </ul>
<p><b>(5) Kejuruteraan</b></p> <p style="text-align: center;"><b>Korea</b> <b>UniKL-MIIT</b> <b>Kod Program: JKPJ 005</b></p>	<p><b>Mendapat</b> sekurang-kurangnya <b>gred A</b> dalam lima mata pelajaran berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Bahasa Melayu;</li> <li>b) Matematik;</li> <li>c) Matematik Tambahan;</li> <li>d) Fizik; <b>dan</b></li> <li>e) Kimia.</li> </ul> <p><b>Dan</b></p> <p><b>Mendapat</b> sekurang-kurangnya <b>gred A-</b> dalam dua mata pelajaran berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Bahasa Inggeris; dan</li> <li>b) Sejarah.</li> </ul>
<p><b>(6) Sains dan Teknologi</b></p> <p style="text-align: center;"><b>Korea</b> <b>UniKL-MIIT</b> <b>Kod Program: JKPJ 006</b></p>	<p><b>Mendapat</b> sekurang-kurangnya <b>gred A</b> dalam lima mata pelajaran berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>f) Bahasa Melayu;</li> <li>g) Matematik;</li> <li>h) Matematik Tambahan;</li> <li>i) Fizik; <b>dan</b></li> <li>j) Kimia.</li> </ul> <p><b>Dan</b></p>

<b>BIDANG / NEGARA PENGAJIAN / KOLEJ PERSEDIAAN</b>	<b>SYARAT / GRED MINIMUM</b>
	<p><b>Mendapat</b> sekurang-kurangnya <b>gred A-</b> dalam dua mata pelajaran berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>c) Bahasa Inggeris; dan</li> <li>d) Sejarah.</li> </ul>
<p><b>(7) Kejuruteraan</b></p> <p style="text-align: center;"><b>Perancis</b> <b>INTEC Education College</b> <b>Kod Program: JKPJ 007</b></p>	<p><b>Mendapat</b> sekurang-kurangnya <b>gred A</b> dalam lima mata pelajaran berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Bahasa Melayu;</li> <li>b) Matematik;</li> <li>c) Matematik Tambahan;</li> <li>d) Fizik; <b>dan</b></li> <li>e) Kimia.</li> </ul> <p><b>Dan</b></p> <p><b>Mendapat</b> sekurang-kurangnya <b>gred A-</b> dalam dua mata pelajaran berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Bahasa Inggeris; dan</li> <li>b) Sejarah.</li> </ul>
<p><b>(8) Sains dan Teknologi</b></p> <p style="text-align: center;"><b>Perancis</b> <b>INTEC Education College</b> <b>Kod Program: JKPJ 008</b></p>	<p><b>Mendapat</b> sekurang-kurangnya <b>gred A</b> dalam lima mata pelajaran berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>f) Bahasa Melayu;</li> <li>g) Matematik;</li> <li>h) Matematik Tambahan;</li> <li>i) Fizik; <b>dan</b></li> <li>j) Kimia.</li> </ul> <p><b>Dan</b></p> <p><b>Mendapat</b> sekurang-kurangnya <b>gred A-</b> dalam dua mata pelajaran berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>c) Bahasa Inggeris; dan</li> <li>d) Sejarah.</li> </ul>
<p><b>(9) Sains Sosial</b></p> <p style="text-align: center;"><b>Perancis</b> <b>UniKL-MFI</b> <b>Kod Program: JKPJ 009</b></p>	<p><b>Mendapat</b> sekurang-kurangnya <b>gred A</b> dalam lima mata pelajaran berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Bahasa Melayu;</li> <li>b) Matematik; dan</li> <li>c) Tiga mata pelajaran lain</li> </ul> <p><b>Dan</b></p>

BIDANG / NEGARA PENGAJIAN / KOLEJ PERSEDIAAN	SYARAT / GRED MINIMUM
	<p><b>Mendapat</b> sekurang-kurangnya <b>gred A-</b> dalam dua mata pelajaran berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Bahasa Inggeris; dan</li> <li>b) Sejarah.</li> </ul>
<p><b>10) Sains dan Teknologi</b></p> <p style="text-align: center;"><b>Jerman</b> <b>Sunway College</b> <b>Kod Program: JKPJ 010</b></p>	<p><b>Mendapat</b> sekurang-kurangnya <b>gred A</b> dalam lima mata pelajaran berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Bahasa Melayu;</li> <li>b) Matematik;</li> <li>c) Matematik Tambahan;</li> <li>d) Fizik; <b>dan</b></li> <li>e) Kimia.</li> </ul> <p><b>Dan</b></p> <p><b>Mendapat</b> sekurang-kurangnya <b>gred A-</b> dalam dua mata pelajaran berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Bahasa Inggeris; dan</li> <li>b) Sejarah.</li> </ul>

#### 4. PERMOHONAN

4.1. Permohonan dibuka secara dalam talian (*online*) di <https://penajaan.jpa.gov.my> bermula **3 April 2026 (Jumaat), 3.00 petang** hingga **16 April 2026 (Khamis), 5.00 petang**. Permohonan yang diterima selepas tarikh tersebut tidak akan dipertimbangkan.

4.2. Calon dibenarkan mendaftar, mengemas kini/ meminda maklumat permohonan sebelum tarikh tutup permohonan. **Hanya pindaan yang terkini sahaja diambil kira untuk tujuan penyimpanan data. Sekiranya calon membuat semakan semula keputusan SPM, calon perlu segera mengemukakan hasil semakan semula yang diterima daripada Lembaga Peperiksaan selewat-lewatnya 16 April 2026 (Khamis) jam 5.00 petang menerusi e-mel [lepasanspm2026@jpa.gov.my](mailto:lepasanspm2026@jpa.gov.my).** Permohonan bagi calon yang ingin menggunakan hasil **keputusan semakan semula SPM tidak akan dipertimbangkan** sekiranya diterima selepas tarikh tutup permohonan.

- 4.3. Calon **diwajibkan** mengambil dan melengkapkan **Ujian Khas Penajaan Persekutuan (UKPP)** yang dibuka mulai **3 April 2026 (Jumaat), 3.00 petang** hingga **16 April 2026 (Khamis), 5.00 petang** melalui Sistem ePermohonan. Calon yang tidak menduduki ujian ini adalah dikira gagal dan tidak layak ditawarkan penajaan.
- 4.4. Calon hendaklah memastikan proses permohonan telah sempurna dengan mencetak **Slip Pengesahan UKPP** dan **Slip Pengesahan Permohonan Program Khas JKPJ Tahun 2026** sebagai bukti permohonan telah dibuat.
- 4.5. Calon boleh merujuk **Soalan Lazim** yang dimuat naik di Portal Penajaan JPA bagi maklumat lanjut berhubung program yang ditawarkan.
- 4.6. **Pertanyaan mengenai program tajaan dan masalah teknikal** boleh dibuat dengan menghubungi talian *call center* iaitu 03-8000 8000 (jam 9.00 pagi hingga 4.30 petang) atau e-mel [lepasanspm2026@jpa.gov.my](mailto:lepasanspm2026@jpa.gov.my) (talian dan e-mel ini hanya aktif dalam tempoh permohonan dibuka sahaja).
- 4.7. Calon dibenarkan untuk membuat pemilihan **satu (1) program sahaja** bagi tujuan permohonan, iaitu sama ada **Program Khas Jepun, Korea, Perancis dan Jerman (JKPJ) Tahun 2026** atau **Program Khas JPA–MARA (PKJM) Tahun 2026**.

## **5. STUDENT ASSESSMENT CENTRE (SAC)**

Calon yang memohon akan disenarai pendek dan dipanggil untuk menghadiri SAC. Tujuan SAC adalah bagi menyediakan profil interpersonal pelajar, menyediakan maklumat kumulatif berkenaan kompetensi pelajar bagi memilih pelajar terbaik untuk ditaja JPA. Program SAC dijadualkan berlangsung **mulai 19 Mei 2026 hingga 21 Mei 2026** mengikut zon pusat temu duga.

## 6. TARIKH-TARIKH PENTING

Aktiviti	Tarikh / Hari / Masa
Permohonan dibuka	<b>3 April 2026 (Jumaat)   3.00 petang</b>
Permohonan ditutup	<b>16 April 2026 (Khamis)   5.00 petang</b>
Pengisian UKPP	<b>3 April 2026 (Jumaat)   3.00 petang</b> - <b>16 April 2026 (Khamis)   5.00 petang</b>
Semakan Panggilan SAC	<b>11 Mei 2026 (Isnin)   2.00 petang</b> - <b>14 Mei 2026 (Khamis)   5.00 petang</b>
Tempoh SAC	<b>19 Mei 2026 (Selasa) – 21 Mei 2026 (Khamis)</b>
Jangkaan Keputusan	<b>Minggu ketiga bulan Jun 2026</b>

Nota: tertakluk kepada perubahan semasa

## 7. HAK KERAJAAN

- 7.1. Pertimbangan adalah tertakluk kepada peruntukan yang ada serta perubahan dasar Kerajaan dari semasa ke semasa. Pihak Kerajaan tidak terikat untuk meluluskan sebarang permohonan yang diterima walaupun permohonan tersebut memenuhi syarat-syarat dan kriteria yang telah ditetapkan.
- 7.2. JPA boleh membuat sebarang perubahan kepada program penajaan ini pada bila-bila masa termasuk syarat dan kriteria tanpa perlu mengemukakan sebarang notis pemberitahuan terlebih dahulu.
- 7.3. JPA boleh menarik balik tawaran penajaan sekiranya didapati perlu tanpa memberikan sebarang notis terlebih dahulu.

**-TAMAT-**